

Cermin mata tiruan jual harga asli

Temerloh: Cermin mata tiruan, dijual pada harga jenama asli.

Itu modus operandi dua premis di sebuah pasar raya di daerah ini yang menjual cermin mata jenama terkenal disyaki tiruan untuk menggantikan keuntungan berlipat kali ganda.

Bagaimanapun, kegiatan mereka tumpas apabila diserbui penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang dalam Ops Jeriji, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali berkata, 316 cermin mata bernilai RM95,120 dirampas.

Katanya, ia merupakan kes pertama membabitkan kesalan menggunakan cap dagangan palsu di Pahang tahun ini.

"Serbuan bermula jam 11.30 pagi membabitkan pegawai penguat kuasa KPDNHEP Cawangan Temerloh dengan hasil kerjasama wakil cap dagang"

Ahmad Fitri



AHMAD FITRI (tengah) menunjukkan cermin mata tiruan yang dirampas.



Serbuan bermula jam 11.30 pagi membabitkan pegawai penguat kuasa KPDNHEP Cawangan Temerloh dengan hasil kerjasama wakil cap dagang"

dengan hasil kerjasama wakil cap dagang.

"Seorang lelaki dan wanita tempatan masing-masing berusia 34 dan 28 tahun ditahan dalam serbuan itu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat KPDNHEP Cawangan Temerloh di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Cawangan KPDNHEP Temerloh, Abdul Razak Yahaya.

Ahmad Fitri berkata, dua individu terbabit direman empat hari untuk membangku siasatan.

Katanya, mereka disyaki dalam milikannya bagi maksud perdagangan iaitu memakaikan dengan salah cap Dagangan berdaftar pada barang kes cermin mata itu di bawah Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.